

PM mahu rakyat pantas kuasai IT

BH 10 JUN 2001

Daripada JAMHARIAH
JAAFAR

TOKYO: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, rakyat Malaysia mesti menguasai ilmu, terutama teknologi maklumat (IT) dengan pantas, bagi membantu mencapai status negara maju menjelang 2020.

Ketika ini, walaupun Malaysia adalah negara membangun termaju di dunia, semua kemajuan yang dicapai itu akan sia-sia sekiranya tidak ada pewaris daripada kalangan golongan bijaksana pada masa depan.

"Kerana itu sekarang kita melatih pekerja yang berpengetahuan supaya mereka boleh masuk dalam industri IT, terutama Koridor Raya Multimedia dengan kecekapan dan pendapatan lebih tinggi.

"Ini adalah rancangan kerajaan, tetapi ia tidak akan berjaya kecuali ada penyertaan rakyat. Sebab itu kita hendak rakyat kuasai ilmu seberapa banyak yang boleh," katanya ketika majlis dialog bersama pelajar dan warga Malaysia yang menetap di sini,

malam ini.

Dr Mahathir berada di sini sempena lawatan kerja empat hari dan mengambil kesempatan bertemu rakyat Malaysia.

Kira-kira 300 pelajar serta warga Malaysia yang bekerja di sini tertarik dengan ucapan Perdana Menteri menceritakan pengalamannya sejak Perang Dunia Kedua termasuk kekaguman melihat budaya kerja keras rakyat Jepun membangunkan negara mereka selepas hampir musnah disebabkan ledakan bom atom di Hiroshima dan Nagasaki.

Katanya, ketika pertama kali ke Jepun pada 1961, beliau tidak begitu berminat dengan bangsa itu, tetapi perasaan hormat tercesut kerana mereka satu-satunya bangsa Asia yang berani 'berlawan' dengan orang putih.

Perasaan kagum terhadap bangsa itu bertambah, kata Perdana Menteri, terutama apabila mereka tanpa bantuan mana-mana negara luar, berjaya memulihkan diri dan mencapai status negara maju dalam tempoh kurang setengah abad.

"Dulu ketika baru mencapai kemerdekaan, kita juga kurang yakin pada diri kita kecuali hendak perintah negara sendiri dan cuba bangunkan kawasan desa...tetapi usaha itu agak terhad kerana kita tidak ada cita-cita besar, hanya ingin bangunkan sedikit negara kita.

"Kerana itu saya yakin, kita boleh bangunkan negara kita sama seperti Jepun, malah seperti negara maju lain.

Sementara itu, Dr Mahathir turut menasihatkan pelajar Malaysia di sini supaya jangan hanya bangga kerana boleh berbahasa Jepun, sebaliknya harus menguasai bahasa Inggeris kerana ia masih bahasa utama di peringkat antarabangsa.

Ketika sesi dialog, Perdana Menteri menolak anggapan bahawa projek MSC di Cyberjaya gagal, sebaliknya ia kini berkembang mengikut jadual.

"Memang ada orang tidak senang hati dan menceritakan MSC tidak maju dan macam-macam. Tapi sebenarnya kemajuan MSC sekarang adalah luar biasa.

"Begitu banyak bangunan baru dibina oleh syarikat kelas dunia dan semua syarikat lain begitu gembira dengan Cyberjaya.

"Sasaran kita pada 2003 ialah 500 syarikat kelas dunia dan 500 syarikat IT lain, termasuk yang kecil dan besar. Tahun ini, belum pun sampai setengah tahun kita sudah mempunyai 40 syarikat kelas dunia yang sudah komited untuk datang ke MSC," katanya.

Dr Mahathir juga terharu apabila seorang bekas pelajar, Iqbal Abdullah, anak Sasterawan Negara, Datuk Abdullah Hussein, mengucapkan terima kasih atas konsep Dasar Pandang Ke Timurnya, yang menjadikan pelajar Universiti Saga itu seorang profesional.

Iqbal berasal dari Kuala Lumpur dan pernah bersekolah di Sekolah Tunku Abdul Rahman, Ipoh, berkata beliau tidak akan kembali ke Kuala Lumpur selagi tidak dapat mencari punca bagaimana Jepun boleh memulihkan diri dalam tempoh hanya 36 tahun (selepas musnah akibat peperangan).